

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 14.11.2024 MASA: 04.30PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA TUAN HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN BENGKEL SEBERANG  
PERAI CORPORATE PRIORITIES 2025**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**15 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)**  
**08.30 PAGI**

**THE LIGHT HOTEL  
SEBERANG JAYA  
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada hari ini untuk berkumpul dalam **Majlis Perasmian Bengkel Seberang Perai Corporate Priorities 2025** di The Light Hotel, Seberang Jaya.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Yang Berusaha Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP yang mengambil bahagian dalam bengkel pada hari ini. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua amatlah saya hargai.
3. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada urusetia penganjuran program pada hari ini, iaitu Jabatan Perhubungan Komuniti MBSP yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar.
4. Tujuan kita berbengkel di sini adalah untuk membentuk **Seberang Perai Corporate Priorities 2025** menggunakan hasil pelan yang telah dirangka oleh Jabatan Dalaman MBSP pada Bengkel **SPCP 2025** yang diadakan pada 17 Oktober 2024 yang lalu bersama Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP.

5. Seberang Perai Corporate Priorities 2025 adalah merupakan satu dokumen terperinci yang merangka langkah dan hala tuju MBSP untuk mencapai matlamat bagi tahun 2025. Ianya merupakan sasaran yang diadaptasi daripada dokumen hala tuju jangka masa panjang MBSP, iaitu Pelan Strategi Majlis Bandaraya Seberang Perai 2023-2030, yang menjadi rujukan utama kepada pihak pengurusan dan seluruh warga kerja MBSP untuk memacu pencapaian VISI Seberang Perai “**Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetatif dan Bandar Pintar**” melalui pelaksanaan MISI “**Menawarkan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan berkesan dan proaktif kepada kehendak komuniti Seberang Perai berlandaskan prinsip Amanah, Betul dan Cepat**”.
6. Bagi tahun 2025, kita perlu mempersiapkan dengan SPCP 2025 yang baru melalui sesi *brainstorming* dan sesi wacana. Justeru, saya berharap agar hasrat saya untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan MBSP dapat dicapai. Kita ubah minda masyarakat supaya mereka yakin yang MBSP ini adalah sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang mudah didekati, berhemah namun masih mengekalkan prinsip tegas pada perkara yang betul dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan. Selain itu, perkara yang perlu diberi penekanan penuh adalah dari segi aspek Pemantapan Kebersihan, Pemeriksaan Penguatkuasaan dan Kesejahteraan Kewangan.

7. Pembentukan SPCP 2025 masih tertumpu dan memberi penekanan kepada 10 Keutamaan Strategik (*Strategic Priorities*) yang tersenarai dalam merangka program dan aktiviti pada tahun 2025. Selain itu, 10 fokus juga diberi penekanan dalam melaksanakan program pada tahun 2025 bagi Pembentukan SPCP 2025 adalah:-

- i. Mengemaskini pelan induk laluan basikal di Seberang Perai dan penyediaan laporan keutamaan pelaksanaan laluan basikal di Seberang Perai;
- ii. Inisiatif Bandar Pintar seperti *Digital Mapping*, Sistem Maklumat MBSP Bersepadu dan Sistem Pengurusan Penguatkuasaan Bersepadu;
- iii. Menambahbaik Murninets;
- iv. Mengenalpasti kawasan-kawasan tarikan pelancong yang berpotensi di Seberang Perai;
- v. Mewujudkan Taman Bunga di Seberang Perai;
- vi. Teras Pembersihan Perbandaran;
- vii. Tandas Bersih, Menawan, Wangi (BMW);
- viii. Mempunyai elemen “*Business ready*”;
- ix. Menyediakan Kerta MMK untuk pengecualian kebenaran merancang untuk pemasangan *Electric Vehicle Charging Bay* (EVCB) baru;

- x. Menyediakan Garis-Garis Panduan baru dari segi Pembangunan, Perancangan, dan Penguatkuasaan MBSP.
8. Semoga tahun 2025, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan warga kerja MBSP dapat mempertingkatkan azam, kesungguhan, bekerjasama dan bertoleransi dalam melaksanakan setiap tugas. Marilah kita bersama-sama membantu MBSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami dan menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kelestarian alam sekitar.
9. MBSP ingin membawa perubahan kepada semua rakyat Seberang Perai dengan menjadikan Seberang Perai, bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon, sebuah bandaraya berdaya tahan, bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat serta Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah bandaraya yang kompetitif dan pintar.
10. Akhir kata, dengan lafaz suci **Bismillahir Rahmanir Rahim** saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Perasmian Bengkel Seberang Perai Corporate Priorities 2025**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***